

# Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam

**Dhikrullah (Remembrance of Allah) Programs and Spiritual Activities as the Fundamental of Spiritual Development for Belia Perlu Perhatian (The Youth Need Attention) in the Realization of the Idea of a Zikir Nation Brunei Darussalam.**

Masuriyati Yahya (Pengarang penghubung)  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6011-1544 7100 E-mel: mysuri@yahoo.com

Che Zarrina Sa'ari  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6013-272 5887 E-mel: zarrina@um.edu.my

## Abstrak

Gagasan Negara Zikir adalah saranan untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara yang diberkati kerana keterikatannya dengan Allah dan juga hasrat membentuk masyarakat sentiasa ingat dan taat kepada Allah (s.w.t). Harapan untuk merealisasikan gagasan tersebut tentunya berada di tangan golongan belia yang sememangnya menjadi tunggak harapan pembangunan negara di masa hadapan. Kajian ini dijalankan ke atas kelompok Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) untuk mengenalpasti kekerapan golongan belia (PP) ini dalam mengikuti program dan aktiviti amalan kerohanian yang dijalankan di dalam pusat pemulihan dan pusat tahanan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana golongan belia (PP) ini mengambil kepentingan dalam melaksanakan setiap amalan kerohanian. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Kaedah pemilihan sampel dilakukan secara persampelan rawak. Data dikumpul melalui instrumen soal selidik dan dianalisis secara statistik deskriptif. Hasil kajian mendapati kekerapan golongan belia ini mengikuti program dan aktiviti serta purata mengambil kepentingan beberapa amalan *zikrullah* berada pada tahap sangat sederhana bahkan ianya tersangat minima untuk memenuhi hasrat gagasan Negara Zikir.

Justeru itu, perlu kepada beberapa usaha dan pendekatan efektif dalam program dan aktiviti yang disediakan serta mempertingkatkan lagi bentuk amalan *zikrullah* golongan belia (PP) sebagai asas pembangunan spiritual selaras dengan gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam.

**Katakunci:** Amalan kerohanian, *Zikrullah*, Program dan Aktiviti, Gagasan Negara Zikir, Golongan Belia Perlu Perhatian (PP)

## Abstract

The idea of *Negara Zikir* is to create as a blessed country with the tightness attachment to Allah and also the desire to build a society always remember and obey Allah. In order to realize of these ideas are definitely in the hands of the youth who has always been a pillar of hope in the future development of the country. This study therefore was conducted on a group of youths: Needs Attention (PP) to identify the frequency of youth (PP) in the following programs and activities are ongoing practice in the rehabilitation centers and in the detention centers. The study also aims to identify the extent of youth (PP) has taken an interest in doing any spiritual practice. The design of

this study is a survey. The method of selection was done randomly. Data collected through questionnaire and analyzed using descriptive statistics. The study found that the frequency of this youth program and activities and the average take some practice *zkrullah* interests are at very modest levels even it's extremely passionate to meet the minimum the ideas of National Remembrance. Hence, the need for some effective approaches in programs and activities that are available and enhance the practice *zkrullah* youths (PP) as the basis of spiritual development in line with the idea of National Remembrance Brunei Darussalam.

**Keywords:** Spiritual practices, *Zkrullah*, Programs and Activities, The idea of National Remembrance, Youths Need Attention (PP),

## Pendahuluan

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara Islam yang telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 30 tahun dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Kini, Negara Brunei mengorak langkah ke depan dengan konsep Negara Zikir yang telahpun dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Raya 'Aidil Adha pada 9 Zulhijjah 1428H bersamaan dengan 19 Disember 2007.

Petikan titah seperti berikut:

*“Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan Ar-Rahman (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu Allah pun dengan rahmatNya memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan.*

*Beta, Insya Allah akan terus berazam untuk menjadikan Brunei sebuah ‘Negara Zikir’ yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaanNya, sesuai dengan janjiNya dalam surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya:*

*Kamu ingatlah Aku, nescaya Aku mengingati kamu pula”.*

Intisari daripada petikan titah tersebut menjelaskan bahawa gagasan Negara Zikir adalah saranan untuk menjadikan negara ini benar-benar sebuah negara yang diberkati kerana keterikatannya dengan Allah. Ia cuma bergerak dan berkembang semata-mata kerana Allah. Ia merancang dan membangun kerana Allah, tidak ada yang lain dari itu (Abdul Aziz, 2008). Gagasan Negara Zikir merupakan hasrat bagi membentuk negara yang masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah (s.w.t) (Bahrom, 2011).

Untuk mencapai gagasan tersebut, golongan belia memainkan peranan besar sebagai generasi penerus Negara Zikir dan pemimpin negara di masa hadapan untuk mencapai kemajuan sama ada dari aspek pembangunan fizikal dan mental tanpa mengeneipkan aspek pembangunan rohani dan spiritual.

Di awal pelaksanaan merealisasikan gagasan Negara Zikir dan mewakili golongan belia, warga perkhidmatan awam menerusi Institut Perkhidmatan Awam selaku pelaksana dan penggerak telah melancarkan buku “Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir” kemudian disusuli dengan penyerahan buku tersebut kepada kementerian-kementerian lainnya di Negara Brunei Darussalam (Norliah, 2009)<sup>3</sup> dan diikuti dengan pelaksanaan Program Negara Zikir (*Pelita Brunei*, 2009, 5).<sup>4</sup> Salah satu daripada program tersebut ialah Program Halaqah Zikir Masjid Omar ‘Ali Saifuddien (MOAS) (*Pelita Brunei*, 2013, 7),<sup>5</sup> yang diadakan sekali pada minggu pertama setiap bulan di Masjid Omar Ali Saifuddien sesuai dengan identitinya sebagai “*Raudhah al-Zikr*”.

Keseluruhan pelaksanaan merealisasikan gagasan Negara Zikir tersebut adalah bertujuan untuk menyahut hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei untuk menjadikannya sebagai sebuah Negara Zikir di samping memberi

kefahaman tentang apa yang dimaksudkan dengan Negara Zikir dan menjadikan zikir sebagai amalan harian bagi setiap kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam Majlis Halaqah Zikir.

Golongan belia di Negara Brunei Darussalam adalah di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sebagai sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan perkembangan dan pembangunan belia di negara ini berada pada tahap cemerlang selaras dengan kemajuan negara.

Profile golongan belia di negara Brunei, sebagaimana dinegara lain juga berdepan dengan isu pengangguran dan penyalahgunaan dadah yang semakin meningkat dan menjadi kebimbangan banyak pihak kerana keduanya menjadi punca timbulnya pelbagai gejala masalah sosial lainnya yang menuntut penyelesaian pada tahap maksima dan sekali gus mengelak berlakunya kemerosotan kualiti generasi belia sebagai pemimpin di masa akan datang.

Keadaan ini juga merujuk kepada berlakunya kemerosotan pertubuhan persatuan dari kalangan golongan belia juga turut menjadi perhatian negara kerana ianya satu petanda bahawa golongan belia berada pada tahap tidak aktif dan tidak produktif.

Bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan masalah sosial di mana konsep Negara Zikir iaitu *zikrullah* dalam makna yang luas merupakan pendekatan yang tepat dan efektif dalam menangani masalah sosial dan permasalahan kejiwaan yang menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak dan moral di mana *zikrullah* juga berupaya menjadi agen pembersihan jiwa dan rohani. Sebagai usaha merealisasikan Negara Zikir, setentunya golongan belia perlu perhatian (PP) sewajarnya menghayati dan mengaplikasikannya untuk menjana pembangunan spiritual dalam mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah (s.w.t).

Justeru kajian ini dijalankan untuk melihat kepentingan amalan zikrullah dalam konteks yang luas merangkumi amal ibadah yang berkait rapat dengan perkembangan pembangunan spiritual golongan belia perlu perhatian (PP) semasa berada dalam fasa bimbingan dan pemulihan di pusat tahanan dengan mengemukakan persoalan berikut:

a) Sejauhmanakah tahap kekerapan golongan belia (PP) mengikuti program dan aktiviti keagamaan untuk mempertingkatkan amalan kerohanian?; b) Sejauhmana golongan belia (PP) ini mengambil kepentingan dalam melaksanakan setiap amalan kerohanian agar ianya selaras dengan Negara Zikir?

Ibn Manzur dalam mendefinisikan zikir, menyatakan bahawa perkataan zikir berasal daripada Bahasa Arab. Dari segi bahasa perkataan ini mengandungi dua makna; *Pertama*, lafaz *al-dhikru* : (الذِّكْرُ) menyebut dengan lisan. *Kedua*, lafaz *al-dhukru* : (الذُّكْرُ) mengingat dengan hati) Ibn Manzur, 1955. (Pada bahagian lain disebut lafaz *al-dhikra* (الذِّكْرُ) bermaksud ingat lawan bagi lupa ;lafaz *al-dhikri* : (الذِّكْرِي) memperingat ;lafaz *tadhakkur* : (تَذَكَّرُ) mengingat perkara terlupa dan menyebutnya selepas terlupa dengan lisan dan hati) Ibid Zikir dalam konteks ibadat, merupakan suatu amalan disebut berzikir dan zikir Allah atau *zikrullah*, ertinya ingat kepada Allah atau menyebut Allah (Md Zain, 1995). Malahan solat, membaca al-Quran, ucapan tasbih, doa, syukur dan taat itu adalah termasuk dalam zikir (Ibn Manzur, 1955).

Terdapat banyak dalam kajian Brunei tentang masalah sosial namun punca utama berlakunya ialah penyalahgunaan dadah. Antaranya membahaskan dadah dalam perspektif Islam (Faizal, 2011), masalah pengulangan penyalahgunaan dadah (Zulhilm, 2008), strategi membasmi penyalahgunaan dadah (Tiga, 2008), semua kajian ini hanya membincangkan sebab dan akibat pengambilan dadah, kesannya terhadap kehidupan sosial dan strategi pembasmian penyalahgunaan dadah.

Tiada kupasan mengenai dengan kepentingan aspek kerohanian dan penerapannya dalam kehidupan golongan belia pesalah dadah dan juga golongan belia banduan. Malah kajian khusus berkaitan dengan program dan aktiviti keagamaan atau kerohanian bagi golongan belia yang sedang menjalani hukuman dan mengikuti program bimbingan dan pemulihan di dalam pusat tahanan juga belum ditemukan.

Bagaimanapun, di Malaysia ditemukan kajian dijalankan untuk meneroka beberapa kaedah rohani dan tradisional bagi pesalah dadah yang melalui proses pemulihan (Fadzli et al., 2001). Bahkan terdapat kajian dijalankan ke atas seramai 280 orang banduan parol (menjalani program pengawasan parol) yang dipilih sebagai responden (Khadijah et al., 2013). Kajian ini membincangkan tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol. Hasil kajian hanya menemukan 2.9% sahaja dalam kalangan banduan parol yang menunjukkan tahap pengetahuan agama yang tinggi. Dan hasil kajian ini memberi implikasi ke arah pementapan program kerohanian banduan parol.

Sementara kajian Brunei mengenai masalah sosial pula antaranya Remaja Lari Dari Rumah (Dayangku Norhainawati, 2012) merungkaikan fenomena lari dari rumah yang berlaku ke atas sebahagian golongan remaja, masa depan golongan remaja dan peranan pihak berwajib ke atas golongan remaja tersebut. Kajian hanya fokus kepada fenomena yang berlaku dan kurang kupasan tentang aspek kerohanian. Terdahulu sebelum ini, ditemukan kajian membahaskan Masalah Sosial Remaja Dan Peranan Institusi Keluarga (Adanan, 2008). Hasil kajian mendapati bahawa timbulnya masalah sosial dalam kalangan golongan remaja adalah berpunca daripada tidak menghayati ajaran Islam dan kurangnya suasana iklim rumah tangga Islami, iaitu tidak solat berjema'ah dan tidak mengamalkan zikir dan do'a harian.

Menerusi kajian Malaysia, ada terdapat banyak kajian yang mengambil kira tentang kepentingan penghayatan dalam pendekatan subjek yang

pelbagai. Antaranya kajian mengenai tahap Penghayatan Aqidah Dalam Kalangan Pelajar juga mempunyai hubungkait dengan kewujudan pelbagai gejala sosial hari ini (Ruslinawati, 2014). Hasil kajian menemukan bahawa penghayatan Akidah perlu dipertingkatkan lagi kerana dalam konteks sosial, Akidah memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah (s.w.t) dan mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani seimbang.

Terdahulu sebelumnya, kajian untuk mengenalpasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah tingkah laku telahpun dijalankan di tiga buah sekolah terpilih di Malaysia yang menjalani rawatan pemulihan akhlak (Fauziah et al., 2012). Hasil kajian mendapati majoriti remaja bermasalah akhlak yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengetahuan agama pada tahap sederhana. Justeru, formula strategik diperlukan bagi tujuan memulihkan dan memperkasakan sahsiah remaja dari segi moral dan akhlak berasaskan nilai-nilai keagamaan.

Begitu juga dengan Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor (Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohad Jailani, Ab. Halim Tamuri dan Kamarulzaman Abdul Ghani, 2011). Kajian dijalankan untuk mengetahui profil penghayatan akhlak daripada pelajar mewakili lima buah sekolah peringkat menengah termasuk salah satu daripadanya Sekolah Menengah Teknik/Vokasional. Sampel kajian dipilih secara rawak berserata memandangkan keadaan populasi yang tidak seragam. Kajian statistik deskriptif ini mengetengahkan tiga domain - sifat peribadi; amalan sosial; amalan agama - pada setiap bahagian dalam soal selidik yang diedarkan dan kajian ini hanya membincangkan bahagian C berbentuk persepsi sahaja. Hasil kajian menemukan bahawa min skor keseluruhan domain penghayatan akhlak berada pada tahap sederhana tinggi. Bagaimanapun, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru dan pentadbir sekolah perlu peka terhadap penghayatan akhlak



Islam yang berbeza bagi setiap pelajar dan guru seharusnya memberikan perhatian serius untuk memaksimumkan penghayatan akhlak Islam bagi semua kategori sekolah.

Sementara itu, kajian tentang pendekatan *riyadah al-nafs* yang diaplikasikan dalam kaunseling (Salasiah dan Noor Shakirah Mat Akhir, 2007), kajian tentang pembinaan model psikoterapi Islam berasaskan konsep *tazkiyah al-nafs* (Che Zarrina dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, 2012) dan kajian tentang Development of Science Spiritual Model for Pre-school Education (Hamdi Rahman, Sofian Sauri dan Nurul Naim, 2012). Kesemua kajian ini membahaskan konsep dan kaedah dalam ilmu tasawuf yang berimpak kerohanian dan menyuburkan spiritual individu. Malahan kajian yang dikemukakan tentang Model Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur (Hamdi Rahman, Mazlah dan Masthurhah, 2013) juga tidak diketepikan begitu saja memandangkan kajian ini membahaskan cara bagaimana untuk mempertingkatkan kualiti amal ibadah ke arah kesempurnaan akhlak dan kesejahteraan jiwa.

## Metodologi

Kajian dikemukakan berbentuk kualitatif. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan dalam usaha untuk mendapatkan maklumat mengenai bentuk program dan aktiviti kerohanian golongan belia (PP) dan kepentingan amalan zikrullah bagi golongan belia (PP) selaras dengan gagasan Negara Zikir. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak. Data dikumpul melalui soal selidik yang diedarkan dan dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences v.21*). Keseluruhan data diolah secara deskriptif dan maklumat diberikan dalam bentuk jadual dengan menggunakan min dan sisihan piawai.

Golongan belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah serta menghadapi masalah sosial yang sedang mengikuti program pemulihan dan bimbingan adalah menjadi sasaran kajian ini. Seramai 150 orang belia (PP) daripada

Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Jabatan Penjara dan Pusat al-Islah dipilih sebagai responden bagi kajian ini.

Dengan merujuk beberapa kajian lepas, ternyata kemerosotan aspek keagamaan dan kerohanian adalah punca utama golongan belia (PP) terjerumus dalam permasalahan sosial dan juga terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

## Hasil dan Perbincangan

### *Profile Responden Golongan Belia Perlu Perhatian (PP)*

Responden kajian ini terdiri daripada 84% lelaki dan 16% perempuan beragama Islam. Mereka mewakili keempat buah daerah dan 79% daripada mereka tinggal di daerah Brunei Muara. Dan 77% daripada mereka yang menyertai kajian ini terdiri daripada mereka yang berbangsa Melayu Brunei dan diikuti 12% berbangsa Melayu Kedayan.

Responden kajian ini juga terdiri daripada pelbagai peringkat umur iaitu dari 15 tahun hingga 40 tahun. Peratus tertinggi adalah daripada mereka yang berumur 31-35 tahun (28.7%) dan diikuti dengan mereka yang berumur 26-30 tahun (24.7%). Sebagaimana dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Profil responden berdasarkan jantina, daerah, bangsa dan umur

	Kekerapan (n)	Peratus %
<b>Jantina</b>		
Lelaki	126	84.0
Perempuan	24	16.0
<b>Daerah</b>		
Brunei Muara	118	79.0
Tutong	12	8.0
Belait	15	10.0
Temburong	5	3.0
<b>Bangsa/ Puak</b>		
Melayu Brunei	116	77.0

Melayu Belait	6	4.0
Melayu Kedayan	18	12.0
Melayu Dusun	7	5.0
Lain-lain	3	2.0
<b>Umur</b>		
15-20 tahun	26	17.0
21-25 tahun	17	11.0
26-30 tahun	37	25.0
31-35 tahun	43	29.0
36-40	27	18.0

### *Profile pendidikan responden Golongan Belia Perlu Perhatian (PP)*

Responden dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah atas sebanyak 64%, 19% daripadanya berada pada sekolah menengah bawah sebagai pendidikan terakhir dan hanya 7% sahaja berada pada tahap pendidikan sekolah rendah dan selebihnya 10% tidak menyatakan. Namun tidak dinafikan 36% daripada mereka mempunyai tahap pendidikan sekolah agama terakhir dengan keputusan lulus darjah 6 iaitu merupakan tahap minima pendidikan agama yang telah ditetapkan ke atas setiap golongan belia di Negara Brunei. Bagaimanapun, dalam kajian ini ditemukan sejumlah 5% daripada mereka tidak bersekolah agama. Sebagaimana di dalam jadual berikut.

Jadual 2 Peringkat pendidikan terakhir responden

	Kekerapan (n)	Peratus %
<b>Pendidikan</b>		
Sekolah rendah	11	7.0
Sekolah menengah bawah	29	19.0
Sekolah menengah atas	95	64.0
Lain-lain	15	10.0
<b>Pendidikan Agama Terakhir</b>		
Tiada bersekolah agama	8	5.0
Sekolah agama darjah 1-5	82	55.0
Sekolah agama lulus darjah 6	53	36.0
Sekolah Arab	5	3.0
Lain-lain	2	1.0

Untuk mengetahui tahap kekerapan golongan belia (PP) mengikuti program dan aktiviti

keagamaan sebagai usaha mempertingkatkan amalan kerohanian, beberapa item dimasukkan ke dalam soal selidik yang telah diedarkan termasuklah item-item yang mewakili maksud *zikirullah* dalam makna yang luas sebagai sarana dan juga elemen penyucian jiwa dengan matlamat untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t).

### *Program dan aktiviti kerohanian golongan belia (PP)*

Program dan aktiviti yang disediakan dan dilaksanakan di pusat tahanan dan di rumah perlindungan merupakan strategi utama membantu golongan belia perlu perhatian ini dalam membangun dan membina kekuatan jiwa dan menerusi program tersebut juga dijelaskan tentang kesan dan akibat kesalahan dan kesilapan yang dilakukan ke atas diri sendiri, maruah serta jati diri. Jadual berikut merupakan purata kekerapan penyertaan golongan belia (PP) dalam program dan aktiviti kerohanian yang disediakan.

Jadual 3 Kekerapan penyertaan program dan aktiviti kerohanian

No	Item	Purata
1	Ceramah	2.83
2	Motivasi	2.72
3	Qiamullail	2.15
4	Usrah/ Tazkirah	2.33
5	Bimbingan/ Kaunseling/ Khidmat Nasihat	2.21
6	Bimbingan al-Quran	2.45
7	Membaca Ratib al-Attas	2.25
8	Kelas Tausyih/ Zikir/ Hadrah	2.34

Berdasarkan jadual dan purata kekerapan di atas, di dapati golongan belia (PP) kerap menyertai program dan aktiviti ceramah (2.83) dan motivasi (2.72) yang diadakan di dalam pusat tahanan dan juga pusat pemulihan dan perlindungan. Perisian ceramah dan motivasi pula adalah berhubungkait dengan kebesaran Islam seperti Israk Mikraj, Nuzul al-Quran, Maulud Nabi SAW dan Awal Tahun Hijrah. Selain itu, ianya

juga berkaitan dengan pembentukan akhlak dan sahsiah peribadi muslim. Di samping itu, ceramah disampaikan juga berkaitan dengan isu dadah dan juga isu masalah sosial.

Golongan belia ini juga kerap menghadiri kelas bimbingan al-Quran (2.45) diikuti dengan kekerapan mereka menghadiri program usrah atau tazkirah (2.33). Penyertaan mereka dalam kelas bimbingan al-Quran dan juga usrah atau tazkirah merupakan pembuka jalan untuk membentuk jiwa mereka ke arah yang lebih baik di samping mengajak mereka untuk kembali ke jalan yang benar.

Begitu juga kekerapan mereka mengikuti kelas tausyih atau zikir atau hadrah (2.34) sebagai satu aktiviti berkaitan dengan kesenian Islam diikuti dengan membaca ratib al-Attas (2.25). Kedua-dua aktiviti tersebut berkemampuan dalam meningkatkan tahap penghayatan melalui pendengaran dan pengucapan yang memberi kesan ke dalam hati dan jiwa seseorang dan ini secara tidak langsung membantu mereka ke arah pembaikan diri dan pembentukan sahsiah peribadi.

Namun berdasarkan jadual di atas, sedikit agak mengecewakan bila mana golongan belia ini didapati kurang mengikuti kelas bimbingan atau kaunseling atau khidmat nasihat (2.21) meskipun pada kebiasaannya di setiap pusat tahanan dan pusat pemulihan dan perlindungan telah pun disediakan pegawai kaunselor atau pegawai yang ditugaskan untuk melaksanakan tugas mereka untuk meringankan beban dan masalah yang dihadapi oleh golongan belia tersebut.

Begitu juga dengan program dan aktiviti *qiamullail* (2.15), dalam jadual menunjukkan purata golongan belia ini terlibat atau mengikuti program ini adalah rendah. Berkemungkinan juga program dan aktiviti ini jarang diadakan atau boleh saja program dan aktiviti ini kurang atau tidak mendapat sambutan untuk dilaksanakan.

### *Amalan zikrullah golongan belia (PP)*

Amalan zikrullah adalah merangkumi ibadat solat, membaca al-Quran, ucapan tasbih, doa, syukur dan taat (Ibn Manzur, 1955). Dalam usaha membantu golongan belia (PP) ini, pihak kerajaan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum, Unit Pengajian Islam, Negara Brunei Darussalam (Pelajaran Amali Ugama, 2011; Sahrin, 2013; Laporan Rancangan Kerja Tahunan, 2013) telah menyediakan kurikulum Pelajaran Amali Ugama untuk golongan belia tersebut.

Menerusi kajian ini, diketahui sejauhmana golongan belia (PP) ini mengambil kepentingan dalam melaksanakan setiap amalan kerohanian; amalan solat, amalan wirid zikir dan istighfar, amalan berdoa dan amalan membaca al-Quran (Isa, Sahrin, Ramziah, Temubual 2014; Kani, Temubual 2013) sebagai asas pembinaan dan pembangunan jiwa yang mantap untuk mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah (s.w.t) dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, sebagaimana dalam jadual berikut.

Jadual 4 Purata kepentingan amalan *zikrullah* golongan belia (PP)

No	Item	Purata
1	Amalan Solat	2.59
2	Amalan Wirid Zikir dan Istighfar	2.85
3	Amalan Berdoa	3.11
4	Amalan Membaca al-Quran	2.03

Jadual di atas menunjukkan purata golongan belia (PP) mengambil kepentingan dalam amalan solat yang merupakan amalan wajib dan dituntut ke atas setiap muslim untuk melaksanakannya lima waktu sehari semalam, termasuklah amalan solat sunat rawatib, dhuha, taubat, hajat, tahajjud dan tarawih.

Setelah itu diikuti dengan amalan wirid zikir dan istighfar yang dilakukan setiap lepas solat lima waktu dan setiap hari. Malah sebahagian mereka melakukannya dalam situasi pelbagai; berada

dalam kelapangan, menghadapi masalah dan tekanan, ketika sakit dan juga dalam mencari ketenangan jiwa kemudian sentiasa istighfar atas segala dosa dan kesalahan yang dilakukan. Kesemua pernyataan berhubung dengan amalan wirid zikir adalah bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Bahkan zikir yang dilakukan secara berterusan dengan jiwa yang tawadhu' adalah yang paling utama dan bermanfaat kerana ianya memelihara jiwa daripada lengah dan lalai dalam mengingati Allah (s.w.t).

Di samping itu, kepentingan amalan berdo'a selain ianya menjadi pelengkap pada setiap amal ibadah solat yang dilaksanakan, ia berfungsi sebagai talian perhubungan seorang hamba dengan khaliq Allahu 'Azza Wajalla dalam memohon dan meminta keampunan atas segala dosa-dosa yang dilakukan kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasihani akan hamba-hambaNya. Sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran surah 40 ayat 60, "Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdo'alah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan do'a permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdo'a kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina". Menerusi ayat tersebut, sesungguhnya Allah perkenankan setiap do'a dan permohonan dari setiap hambaNya.

Begitu juga dengan amalan membaca al-Quran merupakan di antara sarana untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t). Sebahagian daripada golongan belia ini, ada yang membacanya sekali sehari atau setiap lepas solat atau seminggu sekali atau ada yang membacanya mengikut situasi kelapangan atau kesempatan yang ada namun yang penting ianya dibaca dengan penuh khusyu' dan tawadhu' dalam upaya mencari ketenangan. Kesemuanya adalah pernyataan merujuk kepada amalan membaca al-Quran yang mana dengan membaca al-Quran merupakan peluang dalam meraih imbuhan dan imbalan pahala yang besar di sisi Allah (s.w.t).

Selain itu, golongan belia ini sangat mengambil perhatian terhadap kepentingan berdo'a (3.11), di

mana mereka sentiasa berdo'a setiap kali selesai mengerjakan solat lima waktu bahkan ada di antara mereka berdo'a setiap hari. Golongan ini juga sentiasa memanfaatkan amalan berdo'a bila ada kesempatan atau kelapangan, ketika menghadapi masalah, ketika berada dalam tekanan dan juga ketika sakit.

Begitu juga dengan amalan zikir (2.85), golongan belia ini mengambil berat tentang amalan zikir sebagai pembersihan jiwa yang merangkumi proses *takhalli* iaitu membuang sifat-sifat keji dan proses *tahalli* iaitu menggantikan dengan sifat-sifat mahmudah. Mereka juga mengamalkan zikir jika ada kelapangan kerana zikir itu mampu memberikan ketenangan jiwa. Sebahagian daripada mereka ini, mengamalkan zikir tatkala menghadapi tekanan dan berdepan dengan pelbagai masalah. Keseluruhan mereka sentiasa mengamalkan istighfar sentiasa memohon ampun kepada Allah (s.w.t) atas segala dosa-dosa yang telah dilakukan.

Bagaimanapun purata amalan solat golongan belia ini berada pada tahap sederhana (2.59). Malah amat membimbangkan melihat purata amalan membaca al-Quran berada hampir pada purata rendah (2.03). Keadaan ini sedikit sebanyak mempunyai hubungkait dengan latar pendidikan agama terakhir di mana 60% daripada mereka berada pada tahap pendidikan darjah lima ke bawah termasuklah mereka yang tidak bersekolah agama. Peratus ini sedikit sebanyak memberi gambaran bahawa mereka belum memiliki kerohanian yang mantap, apa lagi untuk memenuhi gagasan Negara Zikir untuk membentuk masyarakat yang sentiasa ingat dan taat kepada Allah (s.w.t).

Kajian ini mendapati bahawa golongan belia perlu perhatian (PP) ini kerap mengikuti program dan aktiviti kerohanian seperti ceramah, motivasi, usrah atau tazkirah dan bimbingan al-Quran. Meskipun kemungkinan kekerapan dan penyertaan mereka semata-mata untuk memenuhi syarat dan peraturan yang berjalan di dalam pusat tahanan dan pusat pemulihan namun sedikit sebanyak dapat



membantu mempertingkatkan usaha mereka dalam memperbaiki kelemahan, kesilapan dan kesalahan yang telah pun dilakukan.

Malahan sikap golongan belia (PP) ini dalam mengambil kepentingan empat amalan utama; solat, wirid zikir dan istighfar, berdoa dan membaca al-Quran merupakan satu perubahan sikap positif yang dipraktikkan mengikut kurikulum yang disediakan dan ianya juga secara tidak langsung menepati perisian asas gagasan Negara Zikir untuk membentuk masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah (s.w.t). Perubahan sikap positif golongan belia ini merupakan proses awal ke arah pembangunan dan kemantapan spiritual untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t) meskipun mungkin purata keseluruhan dalam mengambil sikap kepentingan terhadap amalan-amalan tersebut berada pada tahap sederhana tapi sangat bermakna bagi golongan ini yang berada dalam fasa bimbingan dan pemulihan.

Dengan kata lain, pengamalan *zikrullah* golongan belia (PP) yang berada dalam fasa bimbingan dan pemulihan atas sebab kesalahan atau sedang menjalani hukuman sedikit sebanyak dapat membantu mempertingkatkan lagi usaha golongan belia ini dalam menghayati konsep Negara Zikir menyebut dan mengingat Allah tanpa dibatasi ruang masa dan tempat serta sebagai sarana membersihkan jiwa untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t) dengan melaksanakan amar ma'rif dan menjauhkan segala laranganNya.

Kuantiti jumlah golongan belia (PP) dalam kajian ini hanyalah sebagai ukuran dalam mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi pelaksanaan program dan aktiviti khususnya bagi mereka yang berada dalam fasa bimbingan dan pemulihan. Sementara penilaian kualiti amalan *zikrullah* pula adalah bertujuan untuk mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah (s.w.t) selaras dengan gagasan Negara Zikir dan sebagai asas pembangunan spiritual golongan belia (PP).

## Kesimpulan

Kajian ini mengetengahkan dua pembolehubah utama iaitu kekerapan penyertaan program dan aktiviti kerohanian golongan belia perlu perhatian (PP) dan kepentingan program dan aktiviti kerohanian terhadap golongan belia (PP) iaitu dengan maksud lain bagaimana golongan belia (PP) ini mengambil kepentingan dan perhatian terhadap program dan aktiviti kerohanian sebagai asas pembangunan spiritual semasa mereka sedang menjalani fasa bimbingan dan pemulihan dan juga dalam fasa sedang menjalani hukuman dipusat-pusat tahanan dan pusat perlindungan atas kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah dan juga terlibat dalam pelbagai masalah sosial lainnya.

Meskipun kajian serupa belum ditemukan sebelumnya tetapi kajian ini memadai sebagai satu langkah untuk melihat kepentingan dua pembolehubah utama khususnya dalam mengenalpasti bentuk, pemilihan, kesesuaian dan pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan di dalam pusat tahanan agar selaras dengan gagasan Negara Zikir.

Kepentingan dalam mengambil kira bentuk, pemilihan, kesesuaian dan pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan dalam fasa pemulihan, bimbingan dan juga fasa menjalani hukuman akan memberi impak kepada golongan belia (PP) yang terlibat didalamnya. Secara asasnya mereka yang terlibat disebabkan jiwa dan minda mereka adalah kosong kerana tiada sokongan moral dan spiritual diberikan atau yang dapat diambil manfaat untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan sebelum mereka terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah dan masalah sosial yang lainnya.

Kepentingan program dan aktiviti kerohanian ke atas golongan belia (PP) dapat dinilai dari sudut keberkesanan dan impaknya ke atas golongan belia (PP) tersebut sehingga mereka mengambil kepentingan tentang amalan rohanian; amalan solat, amalan wirid zikir dan istighfar, amalan berdoa dan amalan membaca

al-Quran. Meskipun purata golongan belia yang mengambil kepentingan amalan kerohanian ini berada pada tahap yang belum cukup memuaskan untuk memenuhi hasrat dan gagasan Negara Zikir tetapi sangat bermakna bagi golongan belia ini sebagai langkah permulaan untuk mereka memulakan kehidupan baru dengan memperbaiki segala setiap kesalahan yang dilakukan.

Justeru ketepatan program dan aktiviti kerohanian golongan belia (PP) di dalam fasa bimbingan dan pemulihan dan juga di dalam fasa menjalani hukuman memberi kesan kepada golongan belia (PP) dalam mengambil kepentingan amalan kerohanian sebagai asas pembangunan spiritual sekali gus merealisasikan kelahiran generasi *zkrullah* iaitu generasi yang sentiasa ingat dan sebut Allah tanpa dibatasi ruang masa dan tempat yang menjadi impian murni seorang raja dan pemimpin negara agar rakyatnya sentiasa berada dalam paksi dan galaksi ruhiyah dan spiritual yang mantap dalam mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah (s.w.t) ke arah mencapai status *Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*.

### Cadangan

Berdasarkan dapatan dalam huraian di atas, terdapat beberapa cadangan yang perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak berkenaan terutama dalam penyediaan program dan aktiviti kerohanian selaras dengan gagasan Negara Zikir khusus bagi golongan belia perlu perhatian (PP) yang mengikuti program bimbingan, pemulihan dan yang menjalani hukuman di pusat pemulihan dan di pusat tahanan untuk pengukuhan dan pemantapan rohani dan spiritual iaitu dengan:-

a) Membina module kurikulum Pelajaran Amali Ugama sesuai dan selaras dengan gagasan Negara Zikir; b) Wujudkan module program dan aktiviti yang berimpak kerohanian dan menyuburkan spiritual khusus bagi golongan belia berada dalam pusat pemulihan dan pusat tahanan seperti *qiamullail*, wirid zikir dan ratib; c) Membina modal psikoterapi Islam untuk

diaplikasikan ke dalam program kaunseling; d) Wujudkan program motivasi berasaskan kerohanian dan pembangunan spiritual; e) Membina module bagi program bacaan al-Quran terutama dalam juzuk 'Ammah sesuai dengan keperluan dan keupayaan golongan belia perlu perhatian (PP)

Cadangan ini adalah mengambil kira kualiti program dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan dalam jangkaan keberhasilannya mampu memberi impak dalaman sebagai asas pembangunan spiritual golongan belia (PP) Negara Zikir.

### Rujukan

#### Al-Quran

Abdul Aziz Juned. (2008). Negara Zikir. Kertas Perdana, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008.

Adanan, B. (2008). Masalah Sosial Remaja dan Peranan Institusi Keluarga. Dalam Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Eds). (2008). Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei.

Alavi, K., Ibrahim, F., Mohamad, M. S., Sulaiman, W. S. W., Nen, S., & Sarnon, N. (2013). Tahap pengetahuan agama dalam kandungan banduan parol: ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(2), 1-10.

Al-Ghazali. (2014) *Ihya Ulumiddin*. Ibnu Ibrahim Ba'adillah. (terj.) Jakarta: Rebuplika.

Al-Nawawi. (1987). *Al-Azkar: Terjemah Al-Azkar*. Drs. M. Tarsi Hawi (terj.) Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin. (2012). *Cadangan Model Psikoterapi*

- Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Usuluddin*. Bil 36. Julai-Disember, 49-74.
- Dayangku Norhairnawati Pengiran Matzin (2012). *Remaja Lari Dari Rumah*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadzli, A., Sudirman, A. F., & Sudirman, A. F. (2011). Spiritual and Traditional Rehabilitation Modality of Drug Addiction in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(14), 175-181.
- Faizal, O. (2011). Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Belia: Kes Kajian di Daerah Brunei Muara. Kertas kerja berkumpulan tiada diterbitkan. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei.
- Hamdi Rahman et al. (2012). Development of Science Spiritual Model for Pre-school Education. In *Global Journal al-Thaqafah*. 2(1)
- Hamdi Rahman et al. (2013). Modal Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur dalam *Global Journal al-Thaqafah*. 3(2),
- Ibrahim, F., Sarnon, N., Alavi, K., Mohamad, M. S., Akhir, N. M., & Nen, S. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1 (special)), 84-93.
- Ibn Manzur. (1955). *Lisan al-‘Arab*. Dar al-Sadir dan Dar Beirut, Beirut.
- Laporan Rancangan Kerja Tahunan. (2013). Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam.
- M. Zain Abdullah. (1995). *Tasawuf dan Zikir*. Johor: Jahabersa.
- Muhd Sahrin Sulaiman. (2013). Laporan Tahunan Bahagian Keagamaan, Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok. Negara Brunei Darussalam.
- Norliah Md Zain. (2009). Buku ‘Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir’ dilancarkan. *Pelita Brunei*, March 07.
- Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar. (2011). Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir. Kertas Perdana Konvensyen Pendidikan Islam. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 30 November 2011.
- Pelajaran Amali Uagama (2001). *Rumah Penjara, Rumah Al-Islah dan Taman Nurhadayah*. Unit Pengajian Islam, Jabatan Perkembangan Kurikulum: Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Pelita Brunei. (2009) Program Bimbingan Negara Zikir, 05 September 2009.
- Pelita Brunei. (2013) MOAS adakan program ‘Halaqah Zikir’, 08 Mei 2013.
- Ruslinawati, A. G. (2014). Penghayatan ‘Aqidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu‘adzam Shah (POLIMAS): Satu Analisis. Kedah: Jabatan Pengajian Am Politeknik Sultan Abdul Halim Mu‘adzam Shah, 2014.
- Sa‘id Hawwa. (2010). *Pendidikan Spiritual*. Mutiara Ilmu Selekt, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Salasiah Hanim Hamjah dan Noor Shakirah Mat Akhir. (2007). Riyadah al-Nafs menurut al-Ghazali dan aplikasinya dalam Kaunseling di PK Manis. *Jurnal Usuluddin*. Bil 26. Disember, 45-62.
- Sarimah Mokhtar et al. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor dalam *Global Journal al-Thaqafah*. 1(1):74-76.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin & Che Zarrina Sa‘ari. (2015). *Kaedah Psikoterapi Islam*

Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tiga Anam. (2008). Dadah dan Tanggungjawab Bersama. Dalam Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Eds). (2008). Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama. Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

Zulhilmi Jaidin. (2008). Residivisme Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Banduan Di Penjara Jerudong. Dalam Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Eds). (2008). Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama. Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.